

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 APRIL 2016

## UMNO Pulau Pinang kesal Tun M sokong pembangkang

*BH - 12/4/2016*  
**Butterworth:** Pemuda UMNO Pulau Pinang meluahkan rasa kesal dengan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad muncul bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pada suatu majlis anugerah di sini, Sabtu lalu.

Ketuanya, Rafizal Abd Rahim, berkata kedua-dua pemimpin itu pernah bermusuhan suatu ketika dahulu, namun mereka kini berkongsi pentas demi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



“  
Pemuda UMNO Pulau Pinang yang dahulu menyanjung dan menghormati kepemimpinan Dr Mahathir kini sudah hilang rasa hormat kepada beliau berikutan tindak-tanduknya yang mahu menjatuhkan Perdana Menteri”

**Rafizal Abd Rahim,**  
Ketua Pemuda UMNO Pulau Pinang

meja utama dengan kedua-duanya dilihat beramah mesra serta mengambil gambar bersama.

Pengerusi Veteran UMNO Bahagian Bayan Baru, Datuk Ismail Din, berkata pihaknya kecewa dengan tindakan Dr Mahathir yang sanggup berkongsi pentas dengan pembangkang semata-mata mahu menunjukkan protes terhadap kerajaan.

“Sebagai tokoh yang disanjung, beliau diminta berhenti daripada terus melakukan perkara ‘pelik-pelik’ yang hanya akan merumitkan lagi keadaan dan tidak membawa penyelesaian terhadap masa depan UMNO dan orang Melayu.

“Sebagai veteran UMNO, saya minta Dr Mahathir berhenti daripada terus melakukan perkara yang hanya akan merugikan orang Melayu,” katanya.

“Berikutan itu, Pemuda UMNO Pulau Pinang yang dahulu menyanjung dan menghormati kepemimpinan Dr Mahathir kini sudah hilang rasa hormat kepada beliau berikutan tindak-tanduknya yang mahu menjatuhkan Perdana Menteri.

“Beliau (Dr Mahathir) mungkin tidak berpuas hati selepas Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menolak pembabitan Perdana Menteri di dalam Malaysia Development Berhad yang turut diakui Ahli Parlimen DAP Kepong, Dr Tan Seng Giaw,” katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

### Dapat layanan istimewa

Pada majlis anjuran Persatuan Usahawan Maju Malaysia itu, Dr Mahathir mendapat layanan istimewa daripada Setiausaha Agung DAP, termasuk duduk di